

24 MAR 1998

Mahathir-Eropah

TIDAK TERLAMBAT UNTUK EROPAH-ISLAM BERBAIK-BAIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kemungkinan berlakunya pertembungan tamadun pada masa akan datang boleh dielakkan jika Eropah dan dunia Islam bersedia berbaik-baik.

Masanya tidak pernah terlambat untuk melaksanakan langkah ke arah itu, yang juga akan membawa penyelesaian kepada kebanyakan daripada pertelingkahan yang wujud kini, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika membuka seminar bersama Malaysia-Kesatuan Eropah di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini. Seminar dua hari bertajuk "Eropah Dan Dunia Islam" itu dianjurkan bersama oleh Ikim dan Pusat Kajian Islam Oxford (OCIS), dengan sokongan EU.

Dr Mahathir berkata sikap berbaik-baik itu boleh diwujudkan dengan berkesan jika Eropah dan dunia Islam bersedia untuk mengubah pandangan dan tanggapan masing-masing terhadap satu sama lain.

"Daripada segi ajaran agama dan budaya mereka, orang Islam cintakan corak hidup berbaik-baik.

"Jika Eropah boleh mengubah pandangan mereka mengenai Islam dan umatnya, maka sikap berbaik-baik itu boleh diwujudkan dan satu perhubungan yang sama-sekali baru boleh dibentuk antara dunia Islam dan Eropah -- suatu perhubungan yang akan menyelesaikan kebanyakan daripada pertelingkahan yang kita lihat hari ini dan yang pasti akan mengelakkan sebarang pertembungan tamadun pada masa akan datang," kata beliau.

"Masanya tidak pernah terlambat untuk berubah. Memandangkan tanggapan Eropah terhadap masyarakat Yahudi sudah berubah, maka tidak mustahil bagi Eropah mengubah tanggapannya terhadap umat Islam. Dan tanggapan umat Islam terhadap Eropah juga seharusnya berubah," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata tanggapan Eropah terhadap dunia Islam tidak banyak berubah sejak Islam dikenali oleh masyarakat Eropah dan wujudnya hubungan pertama antara Eropah dengan Islam.

Beliau berkata keengganan Eropah untuk mengiktiraf Islam sebagai suatu agama adalah sama dengan sikap Eropah terhadap bangsa dan agama Yahudi pada zaman lampau.

"Masyarakat Eropah kini menerima Yahudi sebagai masyarakat yang sama tarafnya dengan mereka dan mempunyai semua hak politik dan keagamaan sebagai masyarakat Eropah.

"Umat Islam sebaliknya tidak banyak mengalami perubahan daripada segi ini. Malah hubungan mereka dengan Eropah menjadi lebih buruk daripada dahulu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun ada kalanya penulis dan pemimpin Eropah cuba mengubah pandangan dan tanggapan masyarakat Eropah terhadap Islam dan umatnya, sejarah telah membuktikan bahawa semua percubaan itu menemui kegagalan.

Beliau berkata bagi Eropah, Islam masih dianggap sebagai kepercayaan musuh mereka, anti-Kristian dan bukan Eropah.

"Tetapi jika Eropah boleh belajar menerima masyarakat Yahudi dan agama mereka, adakah tidak mungkin bagi Eropah untuk bertolak ansur dengan Islam dan umatnya? Adakah kita perlu melihat suatu kemusnahan berlaku untuk menimbulkan perubahan ini? Adakah pembunuhan beramai-ramai 200,000 orang Islam Bosnia itu masih tidak mencukupi?" tanya beliau.

"Tetapi umat Islam juga perlu melihat ke dalam diri mereka sendiri, tindak-tanduk mereka yang mengakibatkan timbulnya perasaan tidak yakin di kalangan masyarakat Eropah terhadap Islam dan umatnya. Mereka juga bukan

tidak sunyi daripada kesilapan."

Perdana Menteri berkata Eropah dan dunia Islam tidak memerlukan seorang wali untuk melahirkan persefahaman yang lebih baik antara mereka.

"Apa yang kita perlukan ialah maklumat yang adil dan tepat mengenai Islam dan umat Islam pada satu pihak dan mengenai kebimbangan dan kemurahan masyarakat Eropah pada satu pihak lagi.

"Ini sebenarnya lebih penting daripada pemahaman terhadap agama satu sama lain," kata beliau.

Dr Mahathir, yang bercakap panjang-lebar mengenai sejarah hubungan Eropah dengan dunia Islam, berkata negara-negara Islam dan rakyatnya hari ini sebenarnya sudah hilang kemerdekaan mereka melalui sekatan dan tekanan kewangan terhadap mereka.

Beliau berkata Eropah tidak harus lupa bahawa sekatan dan tekanan itu telah memperkayakan Eropah dan menjadikan mereka lebih berkuasa.

"Banyak negara Islam kini berada dalam kepungan Eropah. Rakyat mereka kebuluran dan tidak memperolehi ubat-ubatan dan keperluan hidup yang lain."

Ketika menjawab soalan semasa berdialog dengan peserta seminar selepas itu, Dr Mahathir berkata media Barat bertanggungjawab sedikit-sebanyak terhadap tanggapan yang silap mengenai Islam dan umatnya di kalangan masyarakat Eropah.

Beliau berkata kebanyakan laporan mengenai masyarakat Islam diberi unsur sensasi dan dirancang untuk mewujudkan gambaran yang salah tentang umat Islam yang selalunya digambarkan sebagai penganas, pelampau dan fundamentalis.

Mengenai peranan EU untuk menyelesaikan pertelingkahan dunia, Dr Mahathir berkata usaha EU ke arah itu seharusnya dipuji.

Bagaimanapun beliau berkata EU perlu membuktikan bahawa ia bebas daripada Amerika Syarikat supaya ia dilihat tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Terdahulu, Michel Caillouet, duta dan ketua perwakilan EU ke seminar itu, berkata kesatuan itu belum menutup pintunya untuk kemasukan lebih banyak negara lagi sebagai anggotanya.

Ketika menjawab pertanyaan peserta mengenai permohonan Turki untuk menyertai kesatuan yang mempunyai 15 anggota itu, Caillouet berkata: "Saya tidak fikir pintu itu sudah ditutup." -- BERNAMA

AH rn NMO